



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “MENGHADAPI CABARAN TAHUN 2023”

6 Januari 2023 / 13 Jamadil Akhir 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadirat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: “MENGHADAPI CABARAN TAHUN 2023”

Firman Allah SWT dalam ayat 71 Surah An-Nisa’:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا خُذُوا حِذْرَكُمْ فَانفِرُوا ثُبَاتٍ أَوَّانِفِرُوا جَمِيعًا ﴿٧١﴾﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, bersiap sedialah dan berjaga-jagalah (sebelum menghadapi musuh) kamu dan (apabila dikehendaki) maralah (ke medan pertempuran) secara kelompok demi kelompok atau (jika perlu) maralah bersama-sama (secara serentak)!

Menurut ulasan dalam Tafsir al-Manar, ayat 71 surah An-Nisa’ secara umumnya memberi maksud apa jua persediaan yang sewajarnya diambil perhatian oleh orang Mukmin. Hal ini termasuklah melengkapkan ummah dengan kebijaksanaan, mengolah strategi dan kaedah untuk menghadapi apa sahaja cabaran dan dugaan.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



## Jemaah yang dimuliakan,

Pelbagai peristiwa yang ditempuhi sepanjang tahun 2022 telah menjadi sejarah. Kisah suka duka yang dialami atau disaksikan hendaklah dijadikan iktibar. Sepahit mana pengalaman yang ditempuhi, sudah tentu ada hikmah di sebaliknya untuk dijadikan pengajaran membolehkan kita menjadi insan yang lebih matang - lebih dewasa.

Alhamdulillah, hari ini dengan rahmat dan izin Illahi, kita melangkah masuk ke hari keenam tahun 2023, dengan harapan agar tahun 2023 akan membawa sinar baharu yang lebih gemilang kepada kehidupan manusia; semoga pada tahun ini, dan pada tahun-tahun berikutnya, kehidupan kita disinari cahaya kemakmuran dan kesejahteraan yang lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya.

Kita melangkah masuk ke tahun 2023 dengan menghadapi beberapa keadaan:

**Pertama:** Negara berada di bawah pentadbiran sebuah kerajaan yang baharu berusia lima minggu, baik di peringkat negeri begitu juga di peringkat persekutuan.

**Kedua:** Kebimbangan tentang kemungkinan akan berlaku lonjakan semula wabak Covid-19, susulan peningkatan mendadak kes yang meledak di China dengan munculnya varian baharu.

**Ketiga:** Suasana ekonomi yang suram dan tidak menentu, yang memerlukan langkah-langkah bijak lagi berkesan untuk membolehkan ekonomi negara berada dalam keadaan kukuh dan berjaya menangani masalah inflasi, nilai mata wang ringgit yang lemah, serta kos sara hidup yang tinggi.

**Keempat:** Masalah bekalan dan harga makanan. Pakar-pakar makanan meramalkan harga barangan makanan akan naik 10 peratus. Rakyat bukan sahaja menghadapi harga bahan makanan yang semakin mahal, tetapi lebih berat daripada itu, ialah jaminan adanya bekalan yang mempunyai kesan langsung terhadap kehidupan harian rakyat.

**Kelima:** Kebimbangan akan ancaman terhadap ketenteraman awam jika masih ada suara-suara yang terus memilih mempermainkan isu-isu agama dan perkauman meskipun pilihan raya telah berakhir.



## **Jemaah yang dilimpahi kemuliaan Ilahi,**

Untuk membantu menangani cabaran yang sedang kita hadapi, mimbar menyeru kepada azam-azam berikut:

**Pertama:** Memastikan berlakunya kestabilan politik melalui kerajaan yang mendapat keyakinan, kepercayaan dan sokongan rakyat; kerajaan yang sentiasa mengutamakan rakyat bawahan dan membela nasib rakyat miskin, serta sebuah kerajaan yang berjaya membuktikan berlakunya keadilan, tertegaknya undang-undang secara saksama, tanpa pilih kasih dan tanpa prasangka, juga terlaksananya sistem penyampaian secara cekap lagi berkesan.

Semoga kerajaan yang baharu, tidak akan mengulangi amalan-amalan yang tidak disenangi oleh rakyat, terutamanya amalan-amalan berbentuk pembaziran, penyalahgunaan khazanah negara dan wang rakyat, melantik pemegang jawatan dalam kalangan orang yang tidak memiliki kepakaran yang menyebabkan berlaku kerosakan, dan paling tidak disenangi amalan rasuah dan salah guna kuasa.

**Kedua:** Mengambil langkah-langkah pencegahan yang berkesan menangani lonjakan baharu virus Covid-19, agar rakyat tidak perlu melalui perintah berkurung sekali lagi; sementara ummah pula hendaklah senantiasa berwaspada tidak mengabaikan amalan-amalan kesihatan yang disarankan untuk dipatuhi.

**Ketiga:** Memastikan pertumbuhan ekonomi tidak hanya berbentuk data dan angka yang indah di atas kertas, di sebaliknya pertumbuhan ekonomi yang benar-benar dapat dinikmati oleh rakyat jelata melalui pentadbiran yang berupaya mengembalikan keyakinan, agar para pelabur sama-sama dapat membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi, selanjutnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

**Keempat:** Ummah berganding bahu membantu usaha-usaha untuk menurunkan harga bahan makanan dan menjamin cukupnya bekalan bahan makanan. Jawatankuasa masjid diseru berperanan aktif menggalakkan ahli-ahli kariah memulakan budaya pertanian kecil dengan menanam sayur-sayuran di kediaman masing-masing. Gantikan pokok-pokok bunga di pasu-pasu dengan pokok-pokok terung, tomato, kacang bendir, cili, bayam, sawi dan kangkung.



Di samping itu, mula memperkenalkan dalam keluarga bahan makanan gantian sumber protein seperti tempe, kacang dal dan soya. Mulakan budaya berhemah dan sederhana ketika berbelanja. Terapkan sikap berjimat cermat dan mengelak pembaziran, serta bijak membezakan antara keperluan dan kemahuan.

**Kelima:** Menolak suara-suara yang masih mahu mengapi-apikan semangat perkauman, persengketaan dan permusuhan antara rakyat berbilang kaum dan berbilang agama di negara ini. Di sebaliknya hendaklah dipupuk semangat bekerjasama, saling memahami dan saling menghormati antara rakyat pelbagai kaum dan berbilang agama untuk menjadi warga Malaysia yang teguh bersatu dan kukuh berpadu, hidup rukun dan damai, sama-sama berusaha untuk memaju dan memakmurkan negara kita.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ  
الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, Bantulah kami menangani segala cabaran dengan gigih dan tabah, serta yakinkan dalam diri kami akan limpah rahmat Mu berpandukan ayat 5 dan 6 surah Asy-Syahr:

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin

## ﴿فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٥﴾ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾﴾

Bermaksud: Maka sesungguhnya (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa setiap kesukaran disertai kemudahan. (Sekali lagi ditegaskan) bahawa sesungguhnya setiap kesukaran disertai kemudahan.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

## رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

﴿يَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿١﴾ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢﴾﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.